KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17.03.22	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JPSM			

Harian Metro | Khamis 17.03.2022 @hmetromy

Imej satelit beri petunjuk

Pemandu jengkaut ceroboh hutan simpan ditahan

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Jerantut

Tindakan nekad seorang pemandu jengkaut menceroboh kawasan Kompartmen 26 Hutan Simpan Jerantut di sini, secara haram mengundang padah apabila dia diberkas, kelmarin.

Serbuan dilakukan Unit Penguat kuasa Barat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) selepas melakukan risikan dan pemantauan menggunakan imej satelit.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat kuasa) JPNP Nor Azirim Ahmad berkata, l siasatan mendapati kawasan diceroboh itu akan dijadikan ladang sawit.

Katanya, kegiatan berkenaan mengundang kemusnahan secara tidak terkawal, dan hakisan boleh berlaku apabila kawasan hutan diteroka.

Katanya, berikutan itu lelaki berusia 43 tahun berkenaan ditahan untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan sebelum dibebaskan dengan jaminan polis.

"Kami menyita jengkaut dan pacuan empat roda selain giat mengesan individu dipercayai dalang menceroboh kawasan berkenaan," katanya.



ANGGOTA Unit Penguat Kuasa Barat JPNP menyita jengkaut yang menceroboh Hutan Simpan Jerantut.

Menurutnya, kegiatan itu dipercayai mahu memperbesarkan kawasan tanaman sawit sedia ada yang diusahakan pihak tertentu.

Katanya, JPNP tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang menceroboh hutan simpan di negeri ini dan tindakan tegas bakal diambil.